

**Wartawan Calon AJK, Dua Calon Naib Ketua Umno Labuan Ikrar Transformasi Bernama
9 Oct, 2013**

LABUAN, 9 Okt (Bernama) -- Dua calon naib ketua dan seorang calon anggota jawatankuasa (AJK) Umno Bahagian Labuan, berikrar untuk memperjuangkan keluhan dan aspirasi anggota akar umbi dan masyarakat Melayu, sekiranya terpilih pada pemilihan parti 19 Okt ini.

Calon AJK, wartawan New Sabah Times, Jainuddin Jimin berkata beliau akan menggunakan pengalaman sebagai pengamal media yang selama ini bergelumang dengan pelbagai isu rakyat untuk membawa transformasi dalam parti.

"Kita mahu melihat Umno Labuan terus dihormati sebagai parti tunggak kekuatan Melayu dan bukan sebagai parti batu loncatan untuk populariti, kepentingan diri," kata presiden Persatuan Pengerak Media Labuan itu.

Khalid Abd Ghani yang bertanding jawatan naib ketua bahagian berkata tujuannya bertanding adalah untuk membantu memantapkan perjuangan Melayu dalam pelbagai aspek termasuk isu pendidikan dan ekonomi.

"Saya ingin melihat Umno Labuan terus relevan dan mampu menarik lebih ramai belia, beliawanis Melayu untuk bersama-sama kita memperjuangkan masyarakat Melayu di Labuan," katanya.

Seorang lagi calon naib ketua, presiden Persatuan Kontraktor Kelas F Labuan, Ahmad Bahar berkata beliau mahu membantu menerapkan budaya ekonomi dalam kalangan masyarakat Melayu.

"Sebagai seorang pemimpin kontraktor, saya harap akan dapat membantu membawa perubahan ekonomi dalam kalangan ahli Umno dan masyarakat Melayu...tuntutan perubahan ekonomi dalam kalangan Melayu kini mendesak dan ini perlu diberi perhatian," katanya.

Selain Khalid dan Ahmad, jawatan naib ketua bahagian turut menjadi rebutan empat lagi calon iaitu Ali Mohd Bledram, Bongsu Mohammad, Mazlan Mohd Din dan Dr Harun Pudin.

Jawatan ketua Pemuda menyaksikan penyandang Mohd Raffi Ali Hassan dicabar Jainuddin Ghani manakala tiada pertandingan bagi jawatan ketua Wanita dan ketua Puteri, masing-masing disandang Datuk Aini Safar dan Rahimah Lamat.

Sementara itu, di Tawau, Ketua Wanita Umno Bahagian Kalabakan Datuk Hamisa Samat meminta pihak tidak berkenaan supaya tidak mencampuri urusan pemilihan kepimpinan sayap Wanita bahagian itu.

Hamisa yang juga Pembantu Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat Sabah berkata perwakilan Wanita sepatutnya diberi kebebasan sepenuhnya menentukan kepimpinan mereka sendiri.

"Kepada yang bukan perwakilan (Wanita), tidak payahlah susah-susah...serah kepada 820 perwakilan Wanita yang akan menentukannya," katanya kepada pemberita selepas majlis Penyerahan Bantuan Program Mobile Team e-kasih anjuran Pejabat Pembangunan

Persekutuan Sabah dan Majlis Perbandaran Tawau hari ini.

Sebelum ini, Hamisa dilaporkan mendakwa ada perwakilan Wanita di bahagian Kalabakan 'digertak' menjelang pemilihan Sabtu ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=984263>